

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.2/2001

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN DAN PEMBELI-PEMBELI RUMAH MULAI 16HB NOVEMBER 2000 HINGGA 15 FEBRUARI 2001

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 8hb. November 2000 setelah menimbang Kertas SUK.D.200(04)/402/1(9) telah membuat keputusan untuk memberi beberapa keistimewaan kepada syarikat-syarikat pemaju perumahan yang menyertai Expo Hartanah Malaysia (MAPEX 2000) Peringkat Negeri Kelantan yang telah diadakan pada 16hb November 2000 hingga 15hb. Februari 2001. Syarikat-Syarikat pemaju perumahan yang menyertai Expo tersebut di atas bersama dengan lokasi projek adalah sebagaimana kertas **Lampiran** pada Pekeliling ini.

2. Keistimewaan-keistimewaan yang hanya diberi kepada syarikat-syarikat pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah yang menyertai kempen ini ialah untuk tempoh mulai ***16hb. November 2000 hingga 15hb. Februari 2001*** sahaja. Keistimewaan yang diberikan tidak lagi terpakai selepas daripada 15hb. Februari 2001.

3. Adapun keistimewaan-keistimewaan yang diberikan adalah seperti berikut :-
 - 3.1 Pengecualian bayaran pendaftaran hakmilik tanah bagi pendaftaran hakmilik pertama sahaja.
 - 3.2 Pengecualian bayaran pendaftaran gadaian tanah bagi pendaftaran gadaian pertama sahaja.
 - 3.3 Orang Melayu Bukan Anak Kelantan yang ada kaitan dengan Orang Kelantan seperti berkahwin dengan Orang Kelantan, Bekerja di Kelantan dan mempunyai pertalian dengan Orang Kelantan dan lain-lain kaitan yang difikirkan sesuai oleh Pentadbir Tanah sahaja dibolehkan membeli rumah tanpa kelulusan EXCO walaupun tidak sampai 5 tahun menetap di Kelantan.
4. Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diminta meneliti dengan cermat apabila melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang tersebut di atas.
5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 08hb. November 2000.

t.t

(Dato' Haji Md. Yusuf bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan
8. YABrs. Ketua Penolong Setiausaha, Kerajaan Tempatan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN.4/4/85 Jld.2 (9)
BERTARIKH : 29 MUHARRAM 1422 HIJRAH
23 APRIL 2001**

**SENARAI SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN YANG MENYERTAI EXPO
HARTANAH (MAPEX 2000) PERINGKAT NEGERI KELANTAN
PADA 16HB. NOVEMBER HINGGA 15HB. FEBRUARI 2001**

Bil.	Nama Syarikat	Nama Projek/Lokasi
1	Arus Indah Development Sdn Bhd	Tmn. Puteri Legenda, Seterpa, Kota Bharu. Tmn Doktor, Wakaf Stan, Kota Bharu
2	Bergema Properties Sdn. Bhd.	Tmn. Hajarul-Aswad, Kusial Tanah Merah Teres Pengkalan Chepa
3	Chin Kin Development Sdn.Bhd	Tmn. Tasnim, Rantau Panjang
4	Dataran Fajar Development Sdn. Bhd.	Tmn. Fajar Jaya, Labok, Machang Tmn. Dataran Panji, Telok, Kota Bharu
5	Equisite Corporation Sdn. Bhd	Tmn Sri Bahagia, Kuala Krai
6	Maka Corporation Sdn. Bhd	Tmn Desa Asyraf, Lubok Jong, Pasir Mas Tmn Noryanti-Fasa II, Besut, Terengganu
7	MB Properties Sdn. Bhd	Tmn. Anggerik Fasa II, Ketereh, Kota Bharu Tmn Sri Gading, Pulau Chondong Tmn Permai Indah, Binjai, Kota Bharu Tmn Ihsan, Tanah Merah

Bil.	Nama Syarikat	Nama Projek/Lokasi
8	SBJ Binajaya Development Sdn. Bhd	Tmn Sri Morak, Wakaf Bahru Tmn Sri Baung, Pengkalan Chepa
9	Sentosa Jaya Development Sdn. Bhd	Tmn Sri Sentosa Badang, Kota Bharu Tmn Sri Sentosa Tawang, Bachok Tmn Sri Sentosa Pemuda, Kubang Kerian
10	Strata Merge (M) Sdn. Bhd.	Tmn Sri Indah, Sabak, Kota Bharu Tmn Sri Selasih, Bachok Apartment Hazereen, PCB, Kota Bharu Tmn Kulim Indah II, Bachok Tmn Sri Kilatan, Wakaf Bahru
11	Sykt. Delimasli Sdn. Bhd	Tmn Sri Purnama, Pasir Puteh
12	Sykt Pembinaan Medan Megah Sdn. Bhd	Tmn Megah Jaya, Tanah Merah Tmn Sri Medan, Machang
13	Sykt Kejuruteraan Kenali Sdn. Bhd	Wisma Kenali, Kubang Kerian Tmn Aisyah Bakar, Binjai, Kota Bharu Tmn Din Vespa, Kubang Kerian Tmn Ilmu II, Machang Tmn Abu Bakar As-Siddiq, Kuala Krai Tmn Khalid Al-Walid, Kuala Krai Tmn Salman Al-Farisi, Kuala Krai Tmn Othman bin Affan, Pasir Puteh Tmn Khadijah Khuwalid, Jerneh
14	Vimaco Enterprise Sdn. Bhd	Tmn Mesira Fasa II, Kedai Lalat, Tawang

Bil.	Nama Syarikat	Nama Projek/Lokasi
15	Zima Properties Sdn. Bhd	Tmn Pinggiran Industri, Pengkalan Chepa